

Latihan di Indonesia mungkin ditunda

Berita Harian, 11 January 1996, Page 12

Article also available on Microfilm Reel NL20572

Printer-Friendly Page

Latihan di Indonesia mungkin ditunda

Persisi belum buat keputusan mengenai kedudukan Sheik dan dua pesila lain

SILAT Oleh | MOHD SANI ALI

RANCANGAN juara silat dunia, Sheik Alauddin Yaacob, untuk menjalani latihan dua minggu bersama dua rakan skuad nasional di Indonesia mulai Ahad ini, nampaknya mungkin ditunda.

Ini kerana badan induk silat negara, Persekutuan Silat Singapura (Persisi), belum memberi kata putus mengenai rancangan ketiga-tiga pesilat itu untuk berlatih di luar negeri.

Sheik, pemenang pingat emas Sukan SEA, bersama-sama dengan Abdul Razak (pingat perak) dan Mohd Jufri Selamat (pingat gangsa), dija-

dualkan berangkat ke Jakarta bagi mengadakan latihan dan pertandingan selama dua minggu pada hujung minggu ini.

Menurut penolong setiausaha satu Persisi, Jamaluddin Jamil, Majlis Persisi akan mengadakan mesyuarat pertama mereka bagi tahun ini pada Sabtu ini bagi membentangkan dan meneliti rancangan badan tersebut dalam menghadapi cabaran musim 1996.

"Segala keputusan mengenai rancangan ketiga-tiga pesilat itu untuk berlatih di luar negeri perlu turut diteliti oleh pihak Majlis Persisi dan keputusannya hanya akan diketahui dalam mesyuarat berkenaan kelak," jelas Jamaluddin.

Buat masa ini, Jamaluddin mengambil alih tugas Sarkawai Haji Masom, setiausaha kehormat Persisi, yang sedang dirawat di hospital sejak tahun lalu kerana serangan sakit jantung.

Sehubungan dengan itu, Jamaluddin menyatakan bahawa kedudukan para anggota Skuad Silat Nasional yang tampil dalam Sukan SEA Chiangmai, akan turut diputuskan dalam mesyuarat yang sama.

"Kami tidak dapat menyatakan dengan terperinci mengenai sebarang rancangan latihan ataupun yang bersangkutan dengannya sehingga

mesyuarat Majlis Persisi," jelas Jamaluddin lagi.

Namun begitu, penolong setiausaha satu Persisi itu mengesahkan, para pesilat negara mungkin berkesempatan untuk menyertai beberapa pertandingan di peringkat antarabangsa.

"Kami difahamkan secara lisan, terdapat dua kejohanan yang akan dijalankan musim ini. Kejohanan-kejohanan itu ialah Kejohanan Silat Undangan Vietnam dan Kejohanan Dunia," kata Jamaluddin.

Bagaimanapun, Persisi tidak dapat menyatakan tarikh bila kedua-dua kejohanan itu akan diadakan.

Menyentuh tentang ran-

cangan latihan ke Indonesia, Sheik Alauddin berkata, latihan tersebut adalah sebahagian daripada persiapan awal baginya untuk mempertahankan kejuaraan dunia yang dimenangi di Hadyaai, Thailand dalam 1994.

Abdul Razak dan Jufri juga ingin meningkatkan tahap persiapan masing-masing bagi menghadapi kejohanan-kejohanan pada masa akan datang.

Malah Sheik Alauddin juga menyatakan bahawa kedua-dua pesilat nasional itu telah melahirkan minat untuk mengikuti latihan lasak bersama beliau di Jerman dalam April ini.